

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA DI SUNGAI PETANI, KEDAH**

TUNTUTAN NO: TPPM-K-(P)-76-2022

ANTARA

JAMIL BIN ABU BAKAR

... PIHAK YANG MENUNTUT

DAN

MOHD JAMIL BIN MARZUKI

... PENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

1. FAKTA KES

- 1.1 Pada 28-3-2022, Jamil Bin Abu Bakar (PYM) telah memfailkkan satu tuntutan di KPDKN Sungai Petani terhadap Mohd Zaimi Bin Marzuki (PP).
- 1.2 Tuntutan PYM adalah berdasarkan perjanjian pembinaan “Loteng Bilik” dengan kos RM3200.
- 1.3 Butiran perjanjian adalah seperti beriku;
 - 1.3.1 Pembinaan adalah dimulakan pada tarikh perjanjian iaitu 5-6'2021.
 - 1.3.2 Pembinaan adalah dialamat No XXX, Jalan Joget 1, Taman RIA Jaya, Sungai Petani Kedah.
 - 1.3.3 Pembayaran pertama (pendahuluan) hendaklah dibuat pada 5-6-2021.

- 1.3.4 Apabila pembinaan siap 70%, bayaran sebanyak RM700 perlu dijelaskan.
 - 1.3.5 Setelah pembinaan siap sepenuhnya, baki bayaran RM500 hendaklah dijelaskan.
 - 1.3.6 Loteng hendaklah dibina dengan menggunakan rangka bewarna putih.
 - 1.3.7 Adalah menjadi tanggongjawab pihak kontraktor untuk membersihkan keseluruhan Kawasan dalam dan luar rumah selepas pembinaan tamat.
 - 1.3.8 Tuan rumah berhak membuat sebarang tuntutan sekiranya terdapat ketidaksempurnaan kerja seperti yang dipersetujui diatas.
- 1.4 PP telah gagal siapkan pembinaan ini sepetimana perjanjian.
 - 1.5 PYM menuntut wang RM2000 dikembalikan.
 - 1.6 PP dalam Borang 2 yang difaiklan pada 25-5-2022 telah mengakui tuntutan PYM sebagai benar.
 - 1.7 Pada tarikh bicara (25-5-2021), PP telah membuat penyataan bahawa beliau sanggup membuat bayaran secara ansuran RM500 sebulan. Mahkamah kemudiannya telah memberikan kedua-dua pihak masa untuk berbincang. Setelah mengambil sedikit masa untuk perbincangan kedua-dua pihak bersetuju bahawa bayaran oleh PP kepada PYM adalah dibuat secara ansuran RM500 sebulan bermula Jun 2022. Pembayaran pertama adalah 7hb Jun 2022 dan pembayaran terakhir adalah September 2022.

2. ISU

- 2.1 Samada dalam fakta kes ini mahkamah wajar memberikan award melalui Borang 6 atau Borang 9.

3. KEPUTUSAN

- 3.1 Mahkamah telah mengambil maklum bahawa bagi kes tuntutan dimana terdapatnya pengakuan didalam Borang 2 yang difaikkan oleh PP berkenaan tuntutan oleh PYM melalui Borang 1, sewajarnya award hendaklah diberikan kepada PYM dengan mengeluarkan Borang 6.
- 3.2 Peraturan 20 Consumer Protection (The Tribunal For Consumer Claims) Regulations 1999, memperuntukkan;

"Where the respondent in his statement of defence admits the claim, the President shall make an award for the claimant in Form 6".

- 3.3 Manakala Peraturan 22 Consumer Protection (The Tribunal For Consumer Claims) Regulations 1999, memperuntukkan;

"(1) At the hearing, the Tribunal shall, where appropriate, assist the parties to effect the settlement of the claim by consent"

"(2) An award obtained by consent shall be in Form 9"

- 3.4 Mengikut fakta kes ini, walaupun terdapat pengakuan oleh PP didalam Borang 2 beliau, namun penyelesaian muktamad adalah melalui perbincangan diantara PYM dan PP pada tarikh perbicaraan. Mahkamah telah membenarkan masa bagi kedua-dua pihak berbincang dan akhirnya mencapai persetujuan bersama terutamanya berkenaan cara pembayaran. Persetujuan bersama ini telah menyelesaikan tuntutan ini secara muktamad.

- 3.3 Mahkamah ini berpendapat penyelesaian tuntutan ini adalah bukannya secara “pengakuan” (admission) tetapi disebaliknya ia adalah secara “persetujuan” (consent). Justeru itu award di dalam kes ini adalah dibawah Peraturan 22 dan Borang 9 telah mahkamah keluarkan.

Bertarikh: 25 Mei 2022

t.t

DATO' SUHAIMI BIN IBRAHIM
PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA